| 19.3.2015 | Pertandingan PolySkills 2015 (Pemilihan Ke Worldskill Malaysia Belia 2015) di Politeknik Muadzam Shah | Makmal Teknologi Maklumat, Politeknik Muadzam Shah, Pahang | Kebangsaan |
| 24 - 26.3. 2015 | "National Innovation And Invention Competition Through Exhibition 2015" iCompEx'15<br>››› Disertai oleh dua Pensyarah<br>››› Pembentangan Kertas Kajian dan Penyelidikan | Politeknik Sultan Abdul halim Muadzam Shah, Pahang | Kebangsaan |
| 27.4. 2015 | Pertandingan MySkills 2015 (Pra-Kelayakan Kebangsaan) di Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran Lanjutan (CIAST) | Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran Lanjutan (CIAST) | Kebangsaan |
| 17.6. 2015 | Bengkel Pembangunan CAIST Mengikut Kursus | Makmal Projek,JTMK, PKT. | Jabatan |
| 13.8.2015 | Pertandingan CIDOS Inspiring Learning Awards 2015<br>- Disertai oleh dua kumpulan pensyarah JTMK | Hotel Permai, KT | Kebangsaan |
| 20-22.8.2015 | Karnival Keusahawanan Politeknik Kebangsaan | Batu Burok, KT | Kebangsaan |
| 12 - 13 .10.2015 | Program TECHCREAVERY '15: Politeknik Malaysia Technology & Creative Discovery 2015 | Talent Division, Multimedia Development Corporation (MDEC), Cyberjaya | Kebangsaan |
| 15.11. 2015 | Kursus Fail Meja | Makmal Projek, JTMK, PKT. | Jabatan |




Pembentangan "Idea Perniagaan" oleh pelajar JTMK di Karnival Keusahawanan Politeknik Kebangsaan 2015 bertempat di Batu Burok, Kuala Terengganu, Terengganu.



Pembentangan "Idea Perniagaan" oleh pelajar JTMK di Karnival Keusahawanan Politeknik Kebangsaan 2015 bertempat di Batu Burok, Kuala Terengganu, Terengganu.




Peserta bersama Urusetia Pertandingan Polyskills 2015 (Pemilihan ke WorldSkill Malaysia Belia 2015) di Politeknik Muadzam Shah, Pahang.



Peserta bersama pensyarah pengiring di Majlis Sukan Politeknik (MSP) 2015 Zon Timur, Dewan Besar Politeknik Muadzam Shah, Pahang



Program TECHCREAVERY '15 : Politeknik Malaysia Technology & Creative Discovery 2015 Zon Timur yang berlangsung di JTMK, PKT.



Program Pensyarah Pelawat Industri - Kursus Pembangunan Aplikasi Android dikendalikan oleh En. Khirulnizam Selaku Pengarah Kursus dan Pembangunan Creative Vault Sdn Bhd.

## PROGRAM PENSYARAH PELAWAT INDUSTRI 2015

| Bil | Program / Aktiviti | Bil.Jam |
|---|---|---|
| 1 | Program Oracle Academy - Technical Panel Session : InformationSecurity | 1 |
| 2 | Program Pentauliahan Persijilan Profesional (3P) - COMPTIA A+ peringkat Kebangsaan | 112 |
| | Program Pensyarah Pelawat Industri - Kursus Pembangunan Aplikasi Android peringkat Jabatan | 11 |
| 3 | Program TECHCREAVERY'15 - Politeknik Malaysia Technology & Creative Discovery 2015 Peringkat Zon Timur | 6 |
| 4 | Bengkel Google Web Academy : Online Professional | 26 |
| 5 | Program INFOSYS CAMPUS CONNECT Politeknik Malaysia peringkat Kebangsaan | 221 |

# JABATAN MATEMATIK SAINS & KOMPUTER

Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) merupakan sebuah jabatan sokongan akademik kepada jabatan induk iaitu Jabatan Teknologi Maklumat (JTMK) dan Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) yang menawarkan kursus-kursus dalam bidang Matematik, Sains dan Komputer. Kursus yang ditawarkan ini adalah bertujuan melengkapkan pengetahuan dan kemahiran pelajar daripada kursus-kursus yang ditawarkan oleh jabatan induk iaitu JKE dan JTMK. JMSK diketuai oleh seorang Ketua Jabatan, iaitu Tn. Hj. Azhar bin Mahmud dan dibantu oleh 9 orang pensyarah, seorang pembantu makmal dan seorang pembantu am pejabat.

## VISI

JMSK bertekad untuk menjadi pusat perkembangan bagi kursus Matematik, Sains dan Komputer bagi merealisasikan Politeknik Kuala Terengganu sebagai penjana utama modal insan inovatif menjelang 2016.

## MISI

Membina persekitaran pembelajaran transformatif dan kreatif dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Matematik, Sains dan Komputer ke arah menjana ekonomi yang dipimpin inovasi

## MOTO

All for One (A f O)




**Azhar Mahmud**
Ketua Jabatan JMSK

# OBJEKTIF

››› Menerapkan kemahiran matematik untuk digunakan dalam bidang kejuruteraan dan teknologi Maklumat.

››› Memberi pendedahan tentang sains untuk Penolong Jurutera yang menjurus kepada penggunaannya dalam bidang kejuruteraan

››› Memberi kemahiran asas komputer untuk digunakan sepanjang pembelajaran dan kehidupan seharian pelajar.

››› Menyepadukan ilmu-ilmu akademik dengan nilai-nilai murni seperti amanah, sikap bertanggungjawab dan berdikari bagi melahirkan individu yang mempunyai keterampilan dan sahsiah yang baik selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

››› Di samping itu membentuk pelajar-pelajar Politeknik yang berpengetahuan dan berkebolehan dalam bidang matematik, sains dan komputer berlandaskan pendekatan dan teknik terkini.

››› Berazam ke arah menjadikan Jabatan Matematik, Sains dan Komputer cemerlang dalam pengajaran dan pembelajaran untuk diaplikasikan dalam bidang kejuruteraan dan teknologi maklumat dengan efektif.





Tn. Hj. Azhar Bin Mahmud,
Ketua Jabatan Matematik, Sains & Komputer
merangkap penasihat Program Latih Tubi Matematik 2015
menyampaikan ucapan aluan sebelum merasmikan program.



Nur Saliza (fasilitator pelajar bagi kursus
DBM1013- Engineering Mathematics 1)
memerhati peserta program menyiapkan soalan latih tubi.




**JAWATAN DI PERINGKAT POLITEKNIK**

1. Hj. Azhar B. Mahmud
   - AJK Kolaborasi Politeknik
   - AJK Penilaian Sebutharga Politeknik
2. Syed Ahmad Nasrie Bin Sayed Abdullah
   - Pegawai *War Room* Politeknik
3. Wan Mohd Rizairie Bin Wan Mohd Noor
   - Ketua Pasukan Petugas Penilaian Kendiri Program Pengajian
4. Mohd Sapri Affandi Bin Mokhtar
   - Pegawai Kebudayaan dan Kesenian

KETUA JABATAN

BERKUATKUASA PADA

19 November 2015

*Nota : Nama teratas adalah ketua/penyelaras*





SEKITAR PROGRAM LATIH TUBI MATEMATIK SESI JUN 2015 ( 6 OKTOBER 2015 )





SEKITAR BENGKEL PENGENALAN E-LEARNING ( 3 & 4 OGOS 2015 )

## AKTIVITI YANG TELAH BERJAYA DILAKSANAKAN SEPANJANG TAHUN 2015

| Tarikh | Nama Program / Aktiviti | Tempat | Peringkat |
|---|---|---|---|
| 14/01/2015 | Hari Bersama JMSK pelajar Semester 1 | Dewan JPA | Jabatan |
| 28/01/2015 | Mesyuarat Jabatan Bil 1/2015 | Bilik kualiti JMSK | Jabatan |
| 25/03/2015 | Latih tubi matematik 2015 | Bilik Kuliah JKE | PKT |
| 28/04/2015 | Bengkel Fail Meja | Makmal Komputer JMSK | Jabatan |
| 30/04/2015 | Mesyuarat JMSK Bil 2/2015 | Bilik kualiti JMSK | Jabatan |
| 3-4 /8/2015 | Bengkel pengenalan E-Learning | Makmal Komputer JMSK | PKT |
| 09/08/2015 | Mesyuarat JMSK Bil 3/2015 | Bilik Kualiti JMSK | Jabatan |
| 18/08/2015 | Program Jerayawara Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPTM) | Hotel Felda, Kuala Terengganu | PKT |
| 02/09/2015 | Hari bersama Pelajar Semester 1 | Dewan JPA | PKT |
| 15/10/2015 | Latih tubi Matematik sesi Jun 2015 | Bilik Kuliah JKE | PKT |
| 18/11/2015 | Mesyuarat JMSK Bil.4/2015 | Bilik Kualiti JMSK | Jabatan |

# JABATAN PENGAJIAN AM

Jabatan Pengajian Am(JPA), yang dulunya dikenali sebagai Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral, Politeknik Kuala Terengganu telah ditubuhkan pada 1 hb. Januari 1999. Jabatan ini menggabungkan 13 pensyarah yang mempunyai latar belakang pendidikan Islam dalam pelbagai bidang dan juga pensyarah Bahasa Inggeris. Kombinasi dua bidang utama ini diharapkan dapat memperkasakan lagi modal insan yang bakal menerajui bidang teknikal separa professional di Malaysia.

Jabatan Pengajian Am, sentiasa mempertingkatkan iltizam dan komitmen dalam mencurahkan ilmu untuk mendidik anak bangsa menjadi warganegara yang berguna kepada agama, bangsa dan negara. Bagi merealisasikan impian ini JPA menyediakan tenaga pengajar yang kompeten dan akan sentiasa berusaha membuat perancangan strategik bagi memperkasakan dan mempertingkatkan budaya kerja , kreativiti dalam membina saksiah insan selaras dengan Falsafah Pendidikan Tinggi Negara.

## MISI

JPA PKT komited menyediakan pendidikan dan latihan yang berkualiti bagi melahirkan graduan yang bersakhsiah luhur, berketrampilan dan berkebolehan berbahasa melalui pengurusan strategik dan tadbir urus terbaik berlandaskan jaminan kualiti berterusan

## VISI

JPA PKT beriltizam untuk menjadi jabatan yang cemerlang dalam melahirkan graduan yang berketrampilan, berakhlak mulia, berdaya saing dan bertanggunggjawab.

## OBJEKTIF

>>> Membentuk sahsiah dan ketrampilan pelajar yang berlandaskan ajaran Islam.

>>> Melahirkan pelajar yang seimbang dari sudut emosi, rohani, intelektual serta memiliki akhlak yang mulia.

>>> Meningkatkan penguasaan dan kebolehan berbahasa Inggeris agar mampu bersaing di peringkat global



**Wati Mohamad**
Ketua Jabatan JPA

# CARTA ORGANISASI JPA



# AKTIVITI YANG TELAH BERJAYA DILAKSANAKAN SEPANJANG TAHUN 2015

| Tarikh | Nama Program / Aktiviti | Tempat | Peringkat |
|---|---|---|---|
| 28.01.2015 | WACANA PENGAJIAN MALAYSIA | DEWAN PKT | POLITEKNIK |
| 12.03.2015 | KEM PEMANTAPAN SOLAT | SCOUT INN | POLITEKNIK |
| 23.03.2015 | FUN WITH ENGLISH | PERPUSTAKAAN | POLITEKNIK |
| JAN-JUN 2015 | KURSUS BAHASA ARAB PERTIS | PEJ.PERTIS | NEGERI |
| 12.09.2015 | KURSUS MEMBINA BLOG | MAKMAL JMSK | JABATAN |
| 9-11.09.2015 | LEADERSHIP CAMP | PRINZPARK RESORT | POLITEKNIK |
| 13-14.08.2015 | SAMA CAMP | QUINARA AL-SAFIR | POLITEKNIK |










# Aktiviti 2015




Unit Kecemerlangan Akademik (UKA) adalah unit sokongan kepada pengurusan akademik di Politeknik Kuala Terengganu (PKT). UKA pada awal penubuhannya iaitu pada tahun 2007 dikenali dengan Unit Kualiti dengan fungsi utamanya mengurus pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti di PKT. Unit ini masih giat beroperasi dan diteruskan sehingga hari ini. Kini, UKA yang berada di bawah naungan Pejabat Pengarah, membantu pengurusan dalam pemantapan budaya kualiti dan pelaksanaan jaminan kualiti akademik. Ianya juga ditubuhkan sebagai penggerak dan menentukan halatuju pembangunan akademik berjalan sebagaimana sepatutnya samada ditetapkan oleh badan audit dan akreditasi oleh pihak luar atau pihak pengurusan PKT dan Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP).

**WAN AYUB WAN AHMAD**
Ketua Unit Kecemerlangan Akademik



# UNIT KECEMERLANGAN AKADEMIK

UKA memastikan piawaian MS ISO 9001:2008, Akreditasi MQA dan 5S adalah dipatuhi. Unit ini juga komited memenuhi KPI PolyPMO dan Polyrate. Bagi mewujudkan pengurusan yang cemerlang, UKA berharap akan dapat memberi maklumbalas secara berterusan untuk tindakan dan sebagai sumber rujukan dalam membina perancangan oleh pihak pengurusan.

Kecemerlangan akademik tidak mungkin dicapai tanpa diurus oleh pengurusan yang cemerlang. Bagi mewujudkan pengurusan yang cemerlang, UKA berharap akan dapat memberi maklumbalas secara berterusan untuk tindakan dan sebagai sumber rujukan dalam membina perancangan oleh pihak pengurusan.






## AKTIVITI YANG TELAH BERJAYA DILAKSANAKAN SEPANJANG TAHUN 2015

| Tarikh | Nama Program / Aktiviti | Tempat | Peringkat |
|---|---|---|---|
| 23 - 25/2/15 | Audit Pensijilan Semula MS ISO 9001:2008 | PKT | PKT |
| 26-27/2/15 | Sesi Validasi Pencapaian KPI Politeknik Tahun 2014 | Politeknik METrO Kuantan | JPP |
| 8-9/3/2015 | Bengkel Penyediaan Dokumen MQA01-DNS | Makmal Projek JTMK, PKT | PKT |
| 6-12/7/15 | Audit Dalaman ISO Bil 1/2015 | PKT | PKT |
| 19-22/10/15 | Seminar Semakan Semula KPI CAP Transformasi Politeknik Fasa 3 - Tahun 2016 | Marvelux Hotel, Melaka | JPP |
| 22/10/15 | Bengkel Simulasi Polyrate 2015 | Marvelux Hotel, Melaka | JPP |
| 8-9/11/15 | Kursus Pengenalan & Persediaan Untuk Peralihan Sistem Pengurusan Kualiti Berdasarkan ISO 9001:2015 | Dewan Utama PKT | PKT |
| 27-31/12/15 | Audit Dalaman ISO Bil 2/2015 | PKT | PKT |










# Aktiviti 2015




# UNIT PERHUBUNGAN & LATIHAN INDUSTRI

LATIHAN INDUSTRI (LI) adalah satu syarat wajib bagi pelajar dalam program-program tertentu di semua peringkat pengajian tinggi di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Bagi meningkatkan tahap mampu kerja para graduan, program LI diperkenalkan untuk memperkasa kompetensi yang diperlukan. Kursus LI memberi pelajar peluang pembelajaran di dunia pekerjaan untuk menerima pengalaman praktikal supaya dapat mempertingkatkan kebolehpasarannya.

Kursus ini memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar dari segi perkembangan teknologi, komunikasi yang berkesan, amalan kerja berpasukan, polisi-polisi, prosedur dan peraturan-peraturan, perspektif professional dan pelaporan. Kursus ini akan membina semangat dan sikap yang proaktif di kalangan pelajar dan seterusnya meningkatkan keyakinan mereka untuk menjadi pelatih yang cemerlang.

## OBJEKTIF

››› Mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan di tempat kerja.

››› Berkomunikasi secara berkesan dengan pelbagai peringkat.

››› Mengamalkan kerja berpasukan.

››› Profesional dan beretika dalam mematuhi dasar-dasar, prosedur dan kaedah-kaedah di dalam organisasi.

››› Menerangkan tugas-tugas yang diberikan (semasa LI) mengikut format yang ditetapkan.




**MOHD HAFIZUDDIN IBRAHIM**
Ketua UPLI




## AKTIVITI YANG TELAH BERJAYA DILAKSANAKAN SEPANJANG TAHUN 2015

| Tarikh | Nama Program / Aktiviti | Tempat | Peringkat |
|---|---|---|---|
| | SESI DISEMBER 2014 | | |
| 01.01.2015 | Taklimat 1(Pengenalan LI) | PKT | Jabatan |
| 01.02 -31.03.2015 | Lawatan Penyeliaan Pelajar LI | Seluruh Tempat Pelajar LI | Jabatan |
| 10 .03.2015 | Taklimat 2 (Persediaan LI) | PKT | Jabatan |
| 20 -30.04.2015 | Pendaftaran & Pembetangan LI | PKT | Jabatan |
| | SESI JUN 2015 | | |
| 22.07.2015 | Taklimat LI 1(Tatacara Memohon Tempat LI) | PKT | Jabatan |
| 02.08 - 30.09.2015 | Lawatan Penyeliaan Pelajar LI | Seluruh Tempat Pelajar LI | Jabatan |
| 29.09.2015 | Taklimat LI 2 (Persediaan LI) | PKT | Jabatan |
| 9 - 19.11.2015 | Pendaftaran & Temuduga LI | PKT | Jabatan |

# PERATUS PELAJAR PKT MENJALANI LATIHAN INDUSTRI MENGIKUT NEGERI

## JUN 2015




## DIS 2015



# UNIT PEPERIKSAAN

Unit Peperiksaan merupakan sebuah Unit Sokongan Akademik yang bertanggungjawab untuk merancang, mengurus dan melaksanakan segala aktiviti yang berkaitan dengan penyelarasan dan mengendalikan segala urusan yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti peperiksaan dan persijilan serta penilaian pelajar berpandukan kepada garis panduan dan peraturan penilaian yang telah ditetapkan oleh Bahagian Pentaksiran & Persijilan, Jabatan Pengajian Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia.

Unit ini juga diamanahkan untuk memastikan segala aspek berkaitan dengan memberi panduan mengenai pembelajaran, penilaian, pengawalan dan perjalanan peperiksaan terutamanya kepada pelajar. Selain dari fungsi utamanya mengeluarkan keputusan penilaian kepada pelajar hasil dari keputusan Jawatankuasa Peperiksaan Politeknik. Selain dari itu unit ini juga bertanggungjawab mengeluarkan Sijil kepada pelajar yang telah tamat dan pelajar yang telah lulus semua peperiksaan serta memenuhi semua kehendak kursus setelah mendapat kelulusan dari Lembaga Penganugerahan Sijil /Diploma Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia. Unit Peperiksaan diketuai oleh seorang Pegawai Peperiksaan dan dibantu oleh beberapa Penyelaras Peperiksaan Jabatan yang dilantik setiap dari Jabatan Akademik.



**WAN MOHD ZA'IM WAN SALLEH**
Pegawai Peperiksaan

## OBJEKTIF

>>> Menyiapkan kertas peperiksaan SATU (1) minggu sebelum peperiksaan akhir bermula.

>>> Memproses keputusan Penilaian dalam tempoh DUA (2) minggu selepas semester pengajian berakhir.

>>> Menyiapkan sijil bagi yang telah menamatkan pengajian selewat-lewatnya SATU (1) minggu sebelum majlis konvokesyen.







# CARTA ORGANISASI PEPERIKSAAN




## AKTIVITI YANG TELAH BERJAYA DILAKSANAKAN SEPANJANG TAHUN 2015

| Tarikh | Nama Program / Aktiviti |
|---|---|
| 22/1/2015 | Keputusan Rasmi Penilaian Khas Sesi Jun 2014 |
| 13/02/15 | Persidangan Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/Diploma Politeknik KPM bagi Sesi Jun 2014 (Bil. 1 2015) |
| 05/04/15 -24/04/15 | Peperiksaan Akhir Semester Sesi Disember 2014 |
| 12/05/2015 | Keputusan Rasmi Peperiksaan Akhir Semester Sesi Disember 2014 |
| 27/07/2015 | Keputusan Rasmi Penilaian Khas Sesi Disember 2014 |
| 21/8/2015 | Persidangan Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/Diploma Politeknik KPM bagi Sesi Disember 2014. |
| 18/10/15 - 6/11/15 | Peperiksaan Akhir Semester Sesi Jun 2015 |
| 09/11/2015 | Keputusan Rasmi Peperiksaan Akhir Semester Sesi 2015 |


























# KOLEKSI GAMBAR 2015



# UNIT PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Unit Penyelidikan dan Inovasi (UPI) adalah salah satu unit sokongan kepada pengurusan Politeknik Kuala Terengganu (PKT). Atas alasan keperluan semasa bagi membantu pengurusan sokongan di PKT, maka ia mula diwujudkan pada ditubuhkan pada 2008. UPI melibatkan dua portfolio utama iaitu penyelidikan dan inovasi. Ia diwujudkan bagi mencapai objektif sasaran penunjuk aras prestasi utama (KPI) PKT dan menyokong teras teras utama (satu, tiga dan empat) Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Di samping itu juga untuk merealisasikan objektif Pusat Penyelidikan Dan Pembangunan Politeknik (PPPP).

UPI berperanan memacu aktiviti penyelidikan dan inovasi projek sejajar dengan "tagline" UPI iaitu "Knowledge Exploration". UPI akan bergerak dengan berlandaskan kepada Visi, Misi dan Dasar Kualiti UPI sebagaimana yang telah dinyatakan.

## FUNGSI

- Mengurus pentadbiran aktiviti penyelidikan dan inovasi.
- Menerajui kajian dan penyelidikan di institusi. Membina kapasiti dan keupayaan penyelidikan, pembangunan dan inovasi di kalangan warga institusi.
- Mewujud dan membina jaringan dengan badan-badan luar berkaitan penyelidikan dan inovasi.
- Mengurus permohonan geran penyelidikan. Mengumpul maklumat penyelidikan dan inovasi. Mengurus dan menyebar maklumat dan pengetahuan berkaitan penyelidikan dan inovasi.
- Memberi khidmat perundingan bagi aktiviti penyelidikan.



**MARZUKI SALIM**
Ketua Unit Penyelidikan dan Inovasi

## VISI

Beriltizam untuk memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkualiti dalam pengurusan aktiviti penyelidikan dan inovasi bagi mencapai wawasan politeknik untuk menjadi sebuah politeknik yang berinovatif.

## MISI

Bertekad mencapai kecemerlangan ilmiah dalam pelbagai bidang untuk mencapai pengiktirafan antarabangsa menerusi pengajaran dan pembelajaran penyelidikan dalam konteks persekitaran dan aspirasi pembangunan masyarakat dan negara.




## OBJEKTIF

››› Untuk menyubur dan memacu tenaga kerja agar berdedikasi, mempunyai komitmen yang tinggi dalam bidang penyelidikan dan inovasi ke arah memperkasakan bidang penyelidikan dan inovasi di PKT

››› Membantu Politeknik Kuala Terengganu menyediakan bahan-bahan bercetak secara berkala, berita aktiviti dan pencapaian bagi edaran dalaman dan kepada pihak yang berkepentingan.

››› Untuk merancang, melaksana dan memantau proses jalinan/hubungan kolaborasi di antara jabatan/unit di PKT dengan pihak atau agensi luar/industri. Di samping untuk mengenalpasti pihak atau agensi luar/industri berpotensi.

# Aktiviti 2015










## AKTIVITI YANG TELAH BERJAYA DILAKSANAKAN SEPANJANG TAHUN 2015

| Tarikh | Nama Program / Aktiviti | Tempat | Peringkat |
|---|---|---|---|
| 15 - 16.02.2015 | Bengkel Penulisan Digest PKT | Dewan Utama PKT | PKT |
| 30.03. 2015 | Pertandingan Projek Inovasi Pelajar Sesi Disember 2014 | Dewan Utama PKT | PKT |
| 06 .04.2015 | Bengkel Prototaip | Bilik Seminar UPI | PKT |
| 22.04.2015 | Bengkel PowerPoint Dalam Multimedia PKT | Bilik Seminar UPI | PKT |
| 03 - 04.05.2015 | Bengkel Kumpulan Inovatif & Kreatif | Hotel Permai | PKT |
| 05 - 07.05.2015 | Bengkel Pemurnian Kumpulan Inovatif & Kreatif | Hotel Permai | PKT |
| 28 - 30 .07.2015 | Bengkel Strategi Penulisan Artikel | Dewan Utama PKT | PKT |
| 28 - 30.09.2015 | Pertandingan Projek Akhir Pelajar Sesi Jun 2015 | Dewan Utama PKT | PKT |
| 11 - 12.11.2015 | Bengkel PPRM | Hotel Permai Batu Buruk | PKT |
| 13 - 14.12.2015 | Bengkel Intellectual Property | Dewan Utama PKT | PKT |

# UNIT CISEC

Unit Corporate Industrial Service and Employment Centre (CISEC) Politeknik Kuala Terengganu (PKT) telah ditubuhkan secara rasmi pada pertengahan tahun 2010. CISEC ditubuhkan sebagai pengantara dengan pihak industri, di samping menyelaras program pembangunan kerjaya dan kebolehpasaran graduan yang bertujuan untuk membantu dan meningkatkan kebolehpasaran graduan poilteknik.

## MISI

Membentuk jalinan perhubungan di antara pihak industri dan pihak Politeknik Kuala Terengganu bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan. Penubuhannya antara agenda Transformasi Politeknik iaitu meningkatkan employability dan kebolehpasaran graduan politeknik KPT

## OBJEKTIF

››› Membantu dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan PKT.

››› Menyediakan graduan ke alam pekerjaan.

››› Membantu dalam penempatan graduan melalui perhubungan dengan pihak industri.

››› Menjalankan kajian mengenai kebolehpasaran graduan.



**ZUBAIDAH AWANG**
Ketua CISEC

### LAPORAN 1L5G TAHUN 2015

| Program Pengajian | Jumlah Graduan | Graduan Bekerja | Graduan Menjadi Usahawan | Graduan Lanjut Pengajian | Graduan Tidak Bekerja | Jumlah Graduan Bekerja | Peratus Graduan Bekerja |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| DEP | 30 | 26 | 1 | 1 | 2 | 28 | 93% |
| DIP | 72 | 57 | 4 | 3 | 8 | 64 | 89% |
| **JUMLAH** | **102** | **83** | **5** | **4** | **10** | **92** | **90%** |

## CARTA ORGANISASI CISEC

**PENGARAH**
HAJJAH RADIAH BINTI CHE SU A.M.T.

**TIMBALAN PENGARAH SOKONGAN AKADEMIK**
SUZANA BINTI MOHD ALI

**KETUA CISEC**
ZUBAIDAH BINTI AWANG@ABDUL RAHMAN

**PEGAWAI KEBOLEHPASARAN**
NAPISAH BINTI HARUN

**PEGAWAI TRACER STUDY**
NORAINI BT ALI PEKRI

**PEGAWAI 1L5G/SKK1M**
ZUBAIDAH BT AWANG@ ABDUL RAHMAN

**PEGAWAI KERJAYA**
SANISAH BINTI AZERAI





## AKTIVITI YANG TELAH BERJAYA DILAKSANAKAN SEPANJANG TAHUN 2015

| Tarikh | Nama Program / Aktiviti | Tempat | Peringkat |
|---|---|---|---|
| 7/1/2015 | Mesyuarat Unit CISEC Bil 1/2015 | Bilik CISEC | PKT |
| 21/1/2015 | Taklimat Industri - Shin Etsu Polymer Sdn. Bhd | Bilik Tayangan | PKT |
| 4/3/2015 | Hari Bersama Pelanggan Unit CISEC siri 1 | Dewan Utama | PKT |
| 16/5/2015 | Mesyuarat Unit CISEC Bil 2/2015 | Bilik CISEC | PKT |
| 18/5/2015 -5/6/2015 | Program Pentauliahan Persijilan Profesional (3P) - CompTIA A+ | Politeknik Ungku Omar (PUO), Ipoh | PUO |
| 15/9/2015 | Hari Bersama Pelanggan Unit CISEC siri 2 | Bilik Tayangan | PKT |

# TRACER STUDY 2015

## Jadual 1: Status Pekerjaan, PKT 2015

| Status Pekerjaan | Bil | % |
|---|---|---|
| Bekerja | 68 | 59.13 |
| Melanjutkan Pengajian | 12 | 10.43 |
| Menunggu Penempatan Pekerjaan | 3 | 2.61 |
| Belum Bekerja | 32 | 27.83 |
| **JUMLAH** | **115** | **100** |



## Jadual 2: Kumpulan Pekerjaan, PKT 2015

| Kumpulan Pekerjaan Utama | Bil | % |
|---|---|---|
| Pengurus | 4 | 7.14 |
| Profesional | 3 | 5.36 |
| Juruteknik dan Profesional Bersekutu | 13 | 23.21 |
| Pekerja Sokongan Perkeranian | 19 | 33.93 |
| Pekerja Perkhidmatan dan Jualan | 5 | 8.93 |
| Pekerja Mahir Pertanian, Perhutanan dan Perikanan | 1 | 1.79 |
| Pekerja Kemahiran dan Pekerja Pertukangan yang berkaitan | 4 | 7.14 |
| Operator Loji dan Mesin dan Pemasang | 1 | 1.79 |
| Pekerjaan Asas | 5 | 8.93 |
| - | 1 | 1.79 |
| **JUMLAH** | **56** | **100** |



## Jadual 3: Taraf Pekerjaan, PKT 2015

| Taraf Pekerjaan | Bil | % |
|---|---|---|
| Tetap | 25 | 36.76 |
| Kontrak | 12 | 17.65 |
| Sementara | 19 | 27.94 |
| Bekerja sendiri | 2 | 2.94 |
| Bekerja dengan keluarga | 10 | 14.71 |
| **JUMLAH** | **68** | **100** |

## Jadual 4: Sektor Pekerjaan, PKT 2015

| Sektor Pekerjaan | Bil | % |
|---|---|---|
| Kerajaan | 6 | 10.71 |
| Badan berkanun | 1 | 1.79 |
| Swasta multinasional | 9 | 16.07 |
| Swasta tempatan | 30 | 53.57 |
| Perusahaan sendiri | 6 | 10.71 |
| Lain-lain | 1 | 1.79 |
| Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) | 1 | 1.79 |
| Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) | 2 | 3.57 |
| **JUMLAH** | **56** | **100** |

## Jadual 5: Pendapatan Bulanan, PKT 2015

| Pendapatan Bulanan | Bil | % |
|---|---|---|
| RM500 dan ke bawah | 9 | 13.24 |
| RM501 - RM1000 | 22 | 32.35 |
| RM1001 - RM1500 | 22 | 32.35 |
| RM1501 - RM2000 | 13 | 19.12 |
| RM2001 - RM2500 | 1 | 1.47 |
| RM3001 - RM5000 | 1 | 1.47 |
| **JUMLAH** | **68** | **100** |

## Jadual 6: Status Pekerjaan, PKT 2015

| Status Pekerjaan | Bil | % |
|---|---|---|
| Bekerja | 68 | 59.13 |
| Melanjutkan Pengajian | 12 | 10.43 |
| Menunggu Penempatan Pekerjaan | 3 | 2.61 |
| Belum Bekerja | 32 | 27.83 |
| **JUMLAH** | **115** | **100** |

## Jadual 7: Sebab Belum Bekerja, PKT 2015

| Sebab Belum Bekerja | Bil | % |
|---|---|---|
| Sedang mencari pekerjaan | 24 | 75.00 |
| Tanggungjawab terhadap keluarga | 2 | 6.25 |
| Kurang keyakinan diri untuk memasuki dunia pekerjaan | 2 | 6.25 |
| Tidak berminat untuk bekerja | 1 | 3.13 |
| Ingin berehat | 2 | 6.25 |
| Enggan berpindah ke tempat lain | 1 | 3.13 |
| **JUMLAH** | **32** | **100** |

## Jadual 8: Negeri Bermastautin (Warganegara & Penduduk Tetap), PKT 2015

| Negeri Bermastautin | Bil | % |
|---|---|---|
| Johor | 4 | 3.48 |
| Kelantan | 19 | 16.52 |
| Negeri Sembilan | 1 | 0.87 |
| Pahang | 5 | 4.35 |
| Pulau Pinang | 8 | 6.96 |
| Perak | 7 | 6.09 |
| Perlis | 2 | 1.74 |
| Selangor | 12 | 10.43 |
| Terengganu | 54 | 46.96 |
| Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | 3 | 2.61 |
| **JUMLAH** | **115** | **100** |

# UNIT PEMBANGUNAN INSTRUKSIONAL & MULTIMEDIA



MOHD HAFIZ ROSLI
Ketua UIDM

UNIT PEMBANGUNAN INSTRUKSIONAL & MULTIMEDIA (UPIM) atau UNIT FOR INSTRUCTIONAL DEVELOPMENTAND MULTIMEDIA (UIDM) berfungsi sebagai unit sokongan yang menyediakan alat-alat bantuan mengajar untuk pensyarah-pensyarah menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran. UPIM juga menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang boleh digunakan oleh semua warga Politeknik Kuala Terengganu bagi menjalankan aktiviti pada bila-bila masa.

## OBJEKTIF

- Mengintegrasikan teknologi multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran membimbing pensyarah menggunakan teknologi multimedia.
- Menghasilkan sumber pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif.
- Mewujudkan budaya penggunaan teknologi multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran.
- Mempertingkatkan kualiti pendidikan teknikal di politeknik Kementerian Pendidikan Tinggi.



## DATA PENGGUNAAN BILIK TAYANGAN, DEWAN UTAMA, PERKHIDMATAN FOTOGRAFI, VIDEOGRAFI DAN PINJAMAN PERALATAN UPIM 2015

| | DEWAN UTAMA (HARI) | BILIK TAYANGAN (HARI) | FOTOGRAFI (HARI) | VIDEOGRAFI (HARI) | PINJAMAN PERALATAN (HARI) |
|---|---|---|---|---|---|
| JANUARI | 3 | 4 | 4 | 4 | 1 |
| FEBUARI | 5 | 2 | 6 | 5 | 3 |
| MAC | 6 | 5 | 9 | 8 | 7 |
| APRIL | 3 | 5 | 9 | 3 | 5 |
| MEI | 1 | 2 | 6 | 3 | 1 |
| JUN | 1 | 2 | 2 | 1 | 1 |
| JULAI | 1 | 2 | 1 | 1 | 1 |
| OGOS | 1 | 2 | 1 | 1 | 2 |
| SEPTEMBER | 1 | 2 | 2 | 2 | 2 |
| OKTOBER | 1 | 2 | 1 | 1 | 2 |
| NOVEMBER | 2 | 3 | 3 | 2 | 4 |
| DISEMBER | 2 | 10 | 4 | 3 | 4 |
| **JUMLAH** | **27** | **41** | **48** | **34** | **33** |




Sepanjang tahun 2015, Unit ini telah terlibat dengan 183 aktiviti atau perkhidmatan yang disediakan melibatkan 48 perkhidmatan fotografi, 34 perkhidmatan videografi, 41 kekerapan penggunaan bilik tayangan , 27 kekerapan penggunaan dewan utama dan pinjaman peralatan sebanyak 33 kali.












## AKTIVITI YANG TELAH BERJAYA DILAKSANAKAN SEPANJANG TAHUN 2015

| Tarikh | Nama Program / Aktiviti | Tempat | Peringkat |
|---|---|---|---|
| 06/04/2015 | Bengkel Persediaan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Politeknik Malaysia 2015 | Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin | Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin |
| 03/05/2015 | Bengkel Pemurnian Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Politeknik Kuala Terengganu | Hotel Permai Inn | PKT |
| 18/05/2015 | Kursus Asas Animasi 2D(Videoscribe) | PKT | PKT |
| 09-11/06/2015 | Bengkel Penerbitan 2015 | PKT | PKT |
| 01/07/2015 | Bengkel Pemurnian Laporan Tahunan 2014 | PKT | PKT |
| 20-22/8/15 | Karnival Keusahawanan Kebangsaan Politeknik Malaysia | Taman Awam Baru Buruk | Kebangsaan |
| 21-22/09/2015 | Program Klinik Pemantapan Blended Learning | PKT | PKT |
| 24-26/11/2015 | Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam 2015 | SASICC, Kuantan | Kebangsaan |



**SITI RUHANI SIDIK**
Ketua Unit Sistem Maklumat

Unit Sistem Maklumat (USM) bertanggungjawab menyelenggarakan sumber Teknologi Maklumat dan komunikasi ke arah mencapai misi dan visi PKT. Ditubuhkan pada awal 2004,tugas USM berkisar kepada memberi bantuan teknikal kepada kakitangan Pentadbiran,Akademik dan Sokongan Politeknik Kuala Terengganu. Unit ini juga akan memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah efisien kepada setiap unit dan jabatan di PKT bagi memastikan aplikasi,kemudahan dan perkhidmatan ICT dapat digunakan dengan cekap dan berkesan.

# UNIT SISTEM MAKLUMAT

## OBJEKTIF

- Merancang dan melaksanakan program perkhidmatan teknologi maklumat yang cekap dan berkesan kepada jabatan mengikut dasar ICT semasa yang telah ditetapkan oleh kementerian dan kerajaan.
- Menerima aduan kerosakan perkakasan komputer dan menyelesaikan masalah tersebut dalam masa 2 minggu bergantung kepada jenis kerosakan.
- Memberi khidmat bantuan dan sokongan teknikal terhadap masalah berkaitan ICT.
- Memastikan infrastruktur rangkaian,sistem serta perkhidmatan yang disediakan sentiasa beroperasi dengan baik.



## Infrastruktur & Rangkaian

Rangkaian Penyelidikan dan Pendidikan Malaysia atau singkatannya MyREN mula digunakan di Politeknik Kuala Terengganu pada tahun 2010.Rangkaian ini menyediakan jalur lebar berkapasiti tinggi kepada universiti,kolej, institusi penyelidikan dan makmal saintifik yang terdapat di Malaysia. Penyenggaraan rangkaian dibuat sekiranya berlaku kerosakan atau gangguan kepada peralatan rangkaian yang merangkumi 6 buah server dan 10 buah switch.

## Khidmat Sokongan Teknikal/Penyelenggaraan ICT (Perisian dan Perkakasan)

Unit Sistem Maklumat telah menerima lebih dari 3 aduan kerosakan peralatan ICT sehari secara purata dari jabatan/unit. Peralatan tersebut perlu diselenggarakan oleh juruteknik USM yang akan melaksanakan penyelenggaraan tersebut mengikut kategori kerosakan. Untuk kerosakan kategori minor,mengambil masa beberapa jam manakala sekiranya kerosakan kategori major pula mengambil masa 2-3 hari bergantung kepada kerosakan dan alat ganti yang diperlukan. Penyelenggaraan pencegahan kemudahan ICT(perkakasan dan perisian)telah dilaksanakan sebanyak 2 kali mengikut jadual dari bulan Januari ke Disember 2011 bagi memastikan prestasi komputer dan perisian berada dalam keadaan baik.

Secara keseluruhan,PKT mempunyai 488 buah komputer dan 15 buah laptop yang perlu diselenggarakan. Jumlah ini merangkumi untuk kegunaan 9 buah makmal komputer iaitu sebanyak 313 buah dan selebihnya adalah kegunaan kakitangan PKT. Semakan harta modal dan inventori perkakasan ICT (komputer peribadi, komputer riba,pencetak dan pengimbas (scanner) juga dilaksanakan dari masa ke semasa bagi memudahkan kerja pemantauan aset ICT dan mengenal pasti perkakasan yang memerlukan proses pelupusan.

## Penyelenggaraan Sistem Aplikasi

Perlaksanaan Sistem Kerajaan Elektronik Unit Sistem Maklumat terlibat secara umunya dalam melaksanakan sistem-sistem yang terlibat adalah :

››› Sistem Pengurusan Kewangan Berkomputer Elektronik (e-SPKB)

››› ePerolehan

››› Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS)

››› CIDOS Learning Management System

## SISTEM-SISTEM BAHAGIAN KEMENTERIAN

| SISTEM | BAHAGIAN | KEMENTERIAN/JABATAN |
|---|---|---|
| eSPKB | Akaun | Akauntan Negara |
| ePerolehan | Kewangan | Perbendaharaan |
| HRMIS | Pengurusan Sumber Manusia | Jabatan Perkhidmatan Awam |
| CLMS | Kakitangan Akademik | Jabatan Pengajian Politeknik |
| 1L5G | Kakitangan Akademik | Jabatan Pengajian Politeknik |




# KOLEKSI GAMBAR 2015





# JABATAN HAL EHWAL & PEMBANGUNAN PELAJAR



**MOHD ZAILANI SULONG**
Ketua Jabatan HEPP

Jabatan Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (JHEPP) bertanggungjawab dalam kerja-kerja berkaitan dengan proses pengambilan pelajar seperti permohonan, pendaft-aran, menyimpan dan mengemaskini rekod pelajar. Jabatan ini juga bertanggungjawab memantau disiplin pelajar disamping memberi khidmat sokongan kepada pelajar dalam mendapatkan pinjaman atau biasiswa serta menguruskan perlindungan insuran takaful secara berkelompok. Selain dari itu, JHEPP juga ada menjalankan kajiselidik berkaitan kerjaya dan beberapa perkhidmatan lain bagi mempastikan kebajikan pelajar terjamin di sepanjang tempoh berada di PKT.

## MISI

Melaksanakan proses pendaftaran pelajar baharu dan lama, melaksanakan minggu suai kenal, menguruskan kebajikan dan disiplin serta aktiviti - aktiviti pelajar berlandaskan kepada piagam pelanggan.

## VISI

Berazam Menjadi Jabatan Sokongan Yang Berkesan dalam Pengurusan Pendaftaran, Minggu Suai Kenal, Kebajikan dan Disiplin Pelajar.



# AKTIVITI YANG TELAH BERJAYA DILAKSANAKAN SEPANJANG TAHUN 2015

| Tarikh | Nama Program / Aktiviti | Tempat | Peringkat |
|---|---|---|---|
| 13/1/15 | Pilihanraya Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 2015 | Perpustakaan PKT | PKT |
| 5/2/15 | Program Cakna MPP Bersama Komuniti Rumah Sewa Pelajar Siri 1 | Kediaman Sewa Pelajar PKT | PKT |
| 3/3/15 | Promosi Kemasukan Ke Politeknik Malaysia oleh Politeknik Kuala Terengganu | Sekolah-sekolah Menengah di sekitar Kuala Terengganu | Daerah |
| 12-14/3/15 | Promosi Sempena Karnival Transformasi Terengganu Baharu 2015 | Dataran Permata, Kampung Baharu Seberang Takir | Daerah |
| 26-28/3/15 | Program Kesukarelawan Pasca Banjir 1 Politeknik 1 Sekolah (1P1S) Bersama Sekolah Kebangsaan Lemal, Pasir Mas, Kelantan | Sekolah Kebangsaan Lemal, Pasir Mas, Kelantan | Kebangsaan |
| 28-29/3/15 | Program Outreach STUDY@POLY 2015 Sempena Karnival Pendidikan Tinggi Negara 'Jom Masuk IPT' Kali Ke-11 Tahun 2015 | RTC Kota Bharu Kelantan | Kebangsaan |
| 2/4/2015 | Solat Hajat Perdana sempena Peperiksaan Akhir Semester Disember 2014 | Surau PKT | PKT |
| 25-28/5/15 | Kem Kepimpinan Dan Eksplorasi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Bersama Pemimpin Kelab - Kelab Politeknik Kuala Terengganu 2015 | Kem Damai Beach Resort, Besut, Terengganu | PKT |
| 11/6/15 | Promosi Politeknik Sempena Pameran 'Karnival Transformasi Terengganu Baharu - Sifar Keciciran Masuk IPT' Tahun 2015 | Dewan terbuka & Auditorium MAIDAM, Kuala Terengganu | Daerah |
| 15/6/15 | Pendaftaran Pelajar Baharu sesi Jun 2014 | PKT | PKT |
| 16-18/6/15 | Minggu Suaikenal Sesi Jun 2015 | PKT | PKT |
| 10/7/15 | Majlis Berbuka Puasa PKT | Perkarangan PKT | PKT |
| 12/8/15 | Program Derma Darah Satria | Perpustakaan PKT | Daerah |
| 12/8/15 | Majlis Sambutan Aidilfitri PKT | Perkarangan PKT | PKT |
| 10/9/15 | Lawatan Kediaman Sewa Pelajar Siri 2 | Kediaman Sewa Pelajar PKT | PKT |
| 15/10/15 | Solat Hajat Perdana sempena Peperiksaan Akhir Semester Jun 2015 | Surau PKT | PKT |
| 23/11/15 | Pendaftaran Pelajar Baharu sesi Disember 2015 | PKT | PKT |
| 24-26/11/15 | Minggu Suaikenal Sesi Disember 2015 | PKT | PKT |
| 16/12/15 | Program Derma Darah PKT | Perpustakaan PKT | PKT |
| 29/12/15 | Pilihanraya Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 2016 | Perpustakaan PKT | PKT |

# OBJEKTIF

- Mengurus kemasukan dan penyimpanan data dan rekod pelajar
- Mengadakan perkhidmatan berkaitan dengan urusan pinjaman
- Memberi bimbingan tentang keperluan mematuhi arahan dan peraturan yang dilaksanakan di PKT. Tindakan tatatertib yang diambil adalah merujuk kepada Akta Institusi Pelajaran Malaysia (Tatatertib) Akta 174 dan Peraturan Am Politeknik.
- Penubuhan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)





## Aktiviti 2015


















# UNIT SUKAN, KOKURIKULUM & KEBUDAYAAN

Unit Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan (USKK) adalah bertanggungjawab mengurus dan menyelaras semua aktiviti-aktiviti dan kemudahan sukan kepada pelajar dan staf di politeknik. Beberapa kemudahan yang terdapat di bawah tanggungjawab Unit Sukan PKT ialah Kompleks Sukan (Gelanggang Takraw, Bola Jaring, Bola Tampar dan Gimnasium) di samping gelanggang-gelanggang permainan yang disewa daripada premis dan agensi-agensi luar. Satu pasukan 'Live Band' dengan kelengkapan yang mencukupi di bawah Unit Kebudayaan ditubuh untuk membantu mempromosikan Politeknik Kuala Terengganu.

## VISI

Mempromosi nama Politeknik Kuala Terengganu melalui kecemerlangan kokurikulum dalam melahirkan pelajar berkualiti.

## MISI

Merancang serta memberi perkhidmatan aktiviti kokurikulum sebagai pelengkap kepada proses pengajaran dan pembelajaran berterusan ke arah memperkembangkan potensi diri pelajar.

## OBJEKTIF

››› Menyedia serta menyelaras program penggalakkan dan pembudayaan sukan seiring dengan dasar sukan IPT.

››› Membentuk atlet Politeknik yang berkualiti, berdaya saing dan berupaya untuk terus maju sehingga peringkat antarabangsa.

››› Membangunkan sumber manusia berkaitan dengan sukan serta persekitaran sukan yang cemerlang.

››› Menguruskan sumber Unit Sukan secara cekap dan berkesan.

## MOTTO

"Bertekad Cemerlang Bersama"



**ZUNAIDI ABDULLAH**
Ketua Unit USKK




## PENCAPAIAN / PRESTASI

- Naib Johan Perseorangan Lelaki Kejohanan Badminton Grand Final 2014-2015.
- Naib Johan Badminton Perseorangan Lelaki dan Naib Johan Skuasy Perseorangan Lelaki Karnival Kejohanan Sukan MSPM Zon Timur 2015.
- Johan Perseorangan Wanita dan Naib Johan Perseorangan Lelaki Kejohanan Badminton MSPM 2015 Sirkit 1.
- Tempat ke-3 daripada 20 Kejohanan Bolasepak Pantai Sempena Karnival Keusahawanan Kebangsaan Politeknik Malaysia.
- Tempat ke-3 Kejohanan Paintball Sempena Karnival Keusahawanan Kebangsaan Politeknik Malaysia. Johan Perseorangan Lelaki Kejohanan Badminton MSPM 2015 Sirkit 2.
- Johan Perseorangan Lelaki Kejohanan Badminton Tertutup Melayu Terengganu 2015. 4 Orang Finisher Larian Sultan Mahmud 2015.
- Johan Perseorangan Lelaki dan Tempat ke-4 Kejohanan Badminton Grand Final 2015.
- Anugerah Pemain Paling Cemerlang Keseluruhan Kejohanan Badminton Sirkit 2015.
- 2 Gangsa daripada Kategori Middle dan Fly (Female) MSP Taekwondo Tournament & Invitation Championship.
- Naib Johan kategori Sheild Kejohanan Touch Rugby Terengganu City Night Games Sempena Hari Sukan Negara 2015.
- Naib Johan Acara Badminton Berpasukan (2 orang atlet dari PKT terpilih mewakili Politeknik Malaysia)

## AKTIVITI YANG TELAH BERJAYA DILAKSANAKAN SEPANJANG TAHUN 2015

| Tarikh | Nama Program / Aktiviti | Tempat | Peringkat |
|---|---|---|---|
| 22-26/1/15 | Kejohanan Badminton Grand Final 2014-2015 | Politeknik Tuanku Syed Sirajudin, Perlis | Kebangsaan |
| 6 - 8/3/15 | Karnival Kejohanan Sukan MSPM Zon Timur 2015 | POLISAS dan PMS | Zon Timur |
| 28/3/15 | Karnival Sukan PKT 2015 (Futsal) | Xtreme Futsal, Pulau Kambing | PKT |
| 31/3/15 | Karnival Sukan PKT 2015 | Stadium Negeri Terengganu | PKT |
| 1/4/15 | Derma Darah Perdana RELASIS | Perpustakaan PKT | PKT |
| 23/4/15 | Kursus Pengurusan Sukan Menggunakan Microsoft | PKT | PKT |
| 24/4/15-25/5/15 | Kursus Asas Perajurit Muda - WATANIAH | Kem Bukit Kuang, Kemaman | Terengganu |
| 27/4/15- 28/5/15 | Kursus Asas Darat (KADAR) - WATANIAH | Kem Jln Kolam Air, Sungai Petani, Kedah | Kebangsaan |
| 9-13/5/15 | Kejohanan Pentanque MSPM 2015 | POLISAS | Kebangsaan |
| 1 - 15/6/15 | MalPTAAC - Malaysian Polytechnic Territorial Army Annual Camp | PTSS | Kebangsaan |
| 19 - 23/8/15 | Kejohanan Badminton MSPM 2015 Sirkit 1 | Politeknik Nilai Seremban, Negeri Sembilan | Kebangsaan |
| 20 - 22/8/15 | Kejohanan Bolasepak Pantai,Bola Tampar Pantai, Kejohanan Paintball Sempena Karnival Keusahawanan Kebangsaan Politeknik Malaysia | Pantai Batu Buruk, Kuala Terengganu | Kebangsaan |
| 31/8/15 | Perarakan Kawad Kemerdekaan 2015 | Stadium - Pantai Batu Buruk, Kuala Terengganu | Terengganu |
| 3 - 6/9/15 | Kejohanan Badminton MSPM 2015 Sirkit 2 | Politeknik Sultan Azlan Shah | Kebangsaan |
| 10 - 12/9/15 | Kem Asas RELASIS Sesi Jun 2015 | Peladang Setiu Agro Resort | PKT |
| 11 - 12/9/15 | Kejohanan Badminton Tertutup Melayu Terengganu 2015 | Stadium Negeri Terengganu | Terengganu |
| 17 - 19/9/15 | Kem Asas PISPA Sesi Jun 2015 | Peladang Setiu Agro Resort | PKT |
| 19/9/15 | Larian Sultan Mahmud 2015 | Pantai Batu Burok - Jambatan Sultan Mahmud | Antarabangsa |
| 19 - 22/9/15 | Kejohanan Olahraga MSP 2015 | Sekolah Sukan Negeri Pahang | Kebangsaan |
| 1 - 4/10/15 | Kejohanan Badminton Grand Final 2015 | Politeknik Merlimau Melaka | Kebangsaan |
| 2 - 4/10/15 | Msp Taekwondo Tournament & Invitation Championship | Politeknik Mersing, Johor | Kebangsaan |
| 10/10/15 | Hari Sukan Negara PKT 2015 - Karnival Sukan PKT | PKT | PKT |
| 10/10/15 | Kejohanan Touch Rugby Terengganu City Night Games Sempena Hari Sukan Negara 2015 | Perkarangan Stadium Negeri, Gong Badak | Terengganu |
| 10/10/15 | CSR WATANIAH Gotong Royong Pulau Kapas | Pulau Kapas | PKT |
| 17 - 28/11/15 | Sukan Institut Pendidikan Malaysia (SIPMA 6) 2015 | Perlis | Kebangsaan |

## DATA UNTUK POLYRATE

| Program | Bil.Pelajar |
|---|---|
| Kejohanan Badminton Grand Final 2014-2015 | 1 |
| Karnival Kejohanan Sukan MSPM Zon Timur 2015 | 53 |
| Karnival Sukan PKT 2015 (Futsal) | 150 |
| Karnival Sukan PKT 2015 (Bola Tampar, Bola Jaring, Badminton, Ping pong) | 240 |
| Derma Darah Perdana RELASIS | 150 |
| Kursus Pengurusan Sukan Menggunakan Microsoft | 0 |
| Kursus Asas Perajurit Muda - WATANIAH | 23 |
| Kursus Asas Darat (KADAR) - WATANIAH | 5 |
| Kejohanan Pentanque MSPM 2015 | 9 |
| MalPTAAC - Malaysian Polytechnic Territorial Army Annual Camp | 35 |
| Kejohanan Badminton MSPM 2015 Sirkit 1 | 9 |
| Kejohanan Bolasepak Pantai,Bola Tampar Pantai, Kejohanan Paintball, Sukan Rakyat Sempena Karnival Keusahawanan Kebangsaan Politeknik Malaysia | 27 |
| Perarakan Kawad Kemerdekaan 2015 | 40 |
| Kejohanan Badminton MSPM 2015 Sirkit 2 | 6 |
| Kem Asas RELASIS Sesi Jun 2015 | 60 |
| Kejohanan Badminton Tertutup Melayu Terengganu 2015 | 3 |
| Kem Asas PISPA Sesi Jun 2015 | 56 |
| Larian Sultan Mahmud 2015 | 25 |
| Kejohanan Olahraga MSP 2015 | 7 |
| Kejohanan Badminton Grand Final 2015 | 3 |
| MSP Taekwondo Tournament & Invitation Championship | 4 |
| Hari Sukan Negara PKT 2015 - Karnival Sukan PKT | 250 |
| Kejohanan Touch Rugby Terengganu City Night Games Sempena Hari Sukan Negara 2015 | 8 |
| CSR WATANIAH Gotong Royong Pulau Kapas | 19 |
| Sukan Institut Pendidikan Malaysia (SIPMA 6) 2015 | 2 |







Kejohanan Badminton Grand Final 2014-2015

# Aktiviti 2015



Karnival Kejohanan Sukan MSPM Zon Timur 2015



Karnival Sukan PKT 2015 (Bola Tampar, Bola Jaring, Badminton, Ping pong)



Karnival Sukan PKT 2015 (Futsal)



Kejohanan Pentanque MSPM 2015



Karnival Sukan PKT 2015 (Bola Tampar, Bola Jaring, Badminton, Ping pong)

# PUSAT PERKEMBANGAN KEUSAHAWANAN

*CENTRE OF ENTREPRENEURSHIP DEVELOPMENT*

# ( C | O | N | C | E | P | T )

Pada awal tahun 2014, PKT telah berjaya menubuhkan satu pusat yang dikenali sebagai Pusat Perkembangan Keusahawanan. Pusat ini ditubuhkan bertujuan bagi memberi pendedahan kepada kalangan pelajar PKT dalam bidang keusahawanan.

Penubuhan Pusat Perkembangan Keusahawanan atau Centre of Entrepreneurship Development atau ringkasnya dikenali sebagai ( C I O I N I C I E I P I T ) adalah selaras dengan dasar dan objektif Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dan Pelan Tindakan PSPTN Fasa II yang menekankan kepada kepentingan nilai-nilai dan kemahiran keusahawanan yang perlu diterapkan dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi Malaysia (IPT). Penubuhan pusat ini adalah penting sebagai satu proses bagi merealisasikan hasrat Malaysia menjadi sebuah Negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

## OBJEKTIF

Objektif utama penubuhan C I O I N I C I E I P I T adalah untuk menjadi sebagai salah satu pusat sumber keusahawanan yang memberi tumpuan kepada pembangunan dan perkembangan proses keusahawanan di dalam membentuk budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar. Ianya juga merupakan salah satu unit kecemerlangan melalui penyelidikan, penyebaran pengetahuan inovatif keusahawanan, amalan dan juga pembangunan kualiti generasi muda yang berdaya saing dan maju.

## MISI

Menggerak dan menjana proses pembangunan graduan yang bernilai tambah dengan ilmu keusahawanan yang kompeten di dalam memenuhi kehendak dan aspirasi Negara.



**NORHISYAM MOHD**
Pegawai Keusahawanan

## CARTAORGANISASI KEUSAHAWANAN




## AKTIVITI YANG TELAH BERJAYA DILAKSANAKAN SEPANJANG TAHUN 2015

